



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

SINOPSIS PILIHAN PERPUSTAKAAN INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA BILANGAN 3/2023

KOLEKSI PINJAMAN BERKELOMPOK
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



   
StatsMalaysia
www.DOSM.gov.my





CHAMHURI SIWAR


ISU-ISU EKONOMI



CHAMHURI SIWAR, SmSa (UKM) MA (Leeds), MS (Lowa State) adalah pensyarah ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia dan penulis yang produktif terutama dalam penulisan ekonomi.

Idea-ideanya tentang persoalan ekonomi banyak tersiar dalam majalah-majalah tempatan terutamanya *Dewan Masyarakat*. Bukunya yang pertama, *kehendak dan Bentuk Reformasi Tanah Di Malaysia* (DBP 1976) merupakan penulisan pertama tentang reformasi tanah dalam Malaysia telah mendapat sambutan daripada pembaca.

Pada kali ini, beliau mengumpulkan idea-ideanya tentang isu-isu ekonomi semasa. *Isu –isu Ekonomi* merupakan kompendium pemikirannya yang mencukupi 27 persoalan ekonomi. Kompendium ini cuba menerangkan persoalan-persoalan pertumbuhan, belanjawan dan kemelesetan ekonomi dasar dan perancangan negara bahan makanan dan masalah sosio-ekonomi dan kesan pembangunan.




This book combines Qur'anic wisdom and modern economics to provide a clear, integrated picture of what Islamic economics has to offer to realize the kind of well-being Islam envisages.

Islam and the Economic Challenge represents a timely effort to reflect on the questions, and to suggest to the Western experience, that it can profitably be widened to other religio-cultural horizons. It may open up radical new opportunities for mankind if questing minds will sincerely and objectively examine the merit of the submission of Muslim intellectuals that more satisfying and befitting answers to the economic questions of our time can be found in the Islamic approach to them.



BIG DATA REVOLUTION



Big Data Revolution is a guide to improving performance, making better decisions, and transforming business through the effective use of Big Data. In this collaborative work by an IBM Vice President of Big Data Products and an Oxford Research Fellow, this book presents inside stories that demonstrate the power and potential of Big Data within the business realm. Readers are guided through tried-and-true methodologies for getting more out of data, and using it to the utmost advantage. This book describes the major trends emerging in the field, the pitfalls and triumphs being experienced, and the many considerations surrounding Big Data, all while guiding readers toward better decision making from the perspective of a data scientist.



CASE STUDIES ON GOVERNMENT PROGRAMS AND POLICIES



Case Studies on Government Programs and Policies



Sharifah Mariam Alhabshi




This book of case studies covers key development issues such as poverty, IT, cybercafes, gender and governance. The backdrop of all these cases in Malaysia. The book's objective is to illustrate the use of case studies in explaining certain situation or phenomenon. All cases explored in this book focus on the issues of policy making, implementation and evaluation in public agencies. It illustrates the complexity of running a public office and the dilemma faced by public officers. Readers will discover case study approach as an effective research method, especially for academic research exercise, which are often constrained by time and money.



Buku ini menyediakan arahan dan panduan yang betul dan panduan dalam memilih analisis statistik untuk penyelidikan. Untuk melaporkan hasil penyelidikan, penyelidikan harus belajar tentang prosedur statistik untuk membantu mereka mengukuhkan lagi hasil penyelidikan tersebut. Untuk penyelidikan yang bukan dari latar belakang statistik buku ini membantu mereka untuk mengaplikasikan analisis-analisis. Buku ini dapat membantu mereka menggunakan kaedah yang tepat dalam analisis mereka. Buku ini juga memberi pendedahan tentang asumsi untuk setiap analisis tersebut. Penyelidik boleh mengenal pasti prosedur statistik yang betul untuk digunakan dan mereka boleh membuat analisis tersebut dengan mengikut langkah-langkah yang disediakan oleh buku ini.



PERTIKAIAN PERDAGANGAN PENGGUNA PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF DI MALAYSIA



Buku ini adalah berkenaan dengan mekanisme penyelesaian pertikaian dalam konteks perdagangan pengguna sedia ada di Malaysia. Keperluan mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif adalah seperti Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Biro Pengantaraan Kewangan dianalisis keupayaannya dalam menangani kes pertikaian perdagangan pengguna dengan mengambil kira statistik kes yang difailkan dan diselesaikan oleh mekanisme tersebut. Dalam menilai keberkesanan mekanisme penyelesaian pertikaian di Malaysia, buku ini juga akan membincangkan praktis yang terdapat di beberapa negara Asia lain seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Jepun, Hong Kong dan India yang mempunyai kepelbagaian mekanisme penyelesaian pertikaian pengguna.




TEORI EKONOMETRIK DENGAN APLIKASI SAS



Buku ini meliputi kesemua teori ekonometrik pada peringkat pengenalan bagi pelajar universiti. Beberapa teknik ekonometrik lanjutan seperti kaedah penganggaran model regresi dengan ralat model berbentuk autoregresif, juga dibincangkan. Buku ini menunjukkan bagaimana teknik-teknik ekonometrik boleh diaplikasikan dalam data sebenar dengan bantuan perisian komputer SAS.


Sifat aplikasi ini menjadikan buku ini sesuai untuk para penyelidik yang minat untuk menggunakan model ekonometrik dalam kajian mereka. Dengan fokus yang seimbang antara teori dan aplikasi, buku ini sangat sesuai dijadikan bahan rujukan utama bagi pelajar universiti.



Buku ini meneliti fasa ekonomi Malaysia yang berubah-ubah sejak mencapai kemerdekaan pada 1957. Pertanian menjadi sumber utama pertumbuhan dalam fasa awal pembangunan. Pada 1960-an dan 1970-an, industri ganti-import dan industri orientasi-eksport menjadi penggerak pertumbuhan ekonomi. Pada 1980-an pula, pelaburan dan sektor khidmat yang berkembang menjadi jentera pertumbuhan. Manakala pada 1990-an, ekonomi negara menjadi mampan melalui produktiviti dan peningkatan industri kepada industri nilai tambah. Selain mengutarakan pelbagai soal kemerosotan yang berkitar serta serangan spekulatif terhadap ekonomi Asia, Buku ini juga membincangkan isu berkaitan perubahan pertanian, pembangunan Malaysia Timur, pembangunan pelancongan, penswastaan, alam sekitar dan pembangunan tenaga manusia.




EKONOMI MALAYSIA KE ARAH PASCAINDUSTRI



Malaysia dirancang menjadi sebuah negara industri maju menjelang 2020 melalui rencana wawasan negara yang dilancarkan pada 1991. Sejak dilancarkan, ekonomi Malaysia terus berkembang dengan pesat di samping terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran getir pada peringkat tempatan dan global bagi memastikan hasrat tersebut dapat direalisasikan. Ekonomi negara pernah mencatatkan pertumbuhan yang cemerlang sehingga tersenarai sebagai the new tiers of NICs yang seterusnya memungkinan Malaysia terkeluar dari kelompok negara membangun. Ekonomi Malaysia melalui proses transformasi yang pesat dari sebuah negara yang dulu ekonominya bergantung kepada sektor pertanian kepada sebuah negara yang berteraskan sektor industri yang berkembang maju.




ROADMAP OF SPSS ANALYSIS FOR UNDERGRADUATE RESEARCH



This book is dedicated specifically to undergraduate students who are undertaking research project/undergraduate thesis/dissertation. Through our experience supervising research students; one of the main difficulties faced by the students is in terms of analyzing quantitative data using SPSS software their difficulties. Among the findings discovered were: do not know where and how to start the analysis; not sure about the flow of analysis; what appropriate analysis to conduct; how to read the findings from the SPSS output; and how to present the SPSS analysis according to APA format. These situations lead to weak SPSS analysis undertaken by the students, and finally, jeopardies the result of their entire research.




POWER OF THE AL-QURAN



Al-Quran mampu melakukan perubahan-perubahan terhadap akal manusia dan membina dasar-dasar keimanan dalam hati. Selain itu, al-Quran dapat memurnikan perasaan dari segala hawa nafsu dan perasaan cinta kepada dunia yang menjadi kekangan dalam menambahkan tahap keimanan. Sesungguhnya iman yang tertanam kuat di dalam hati memiliki peranan yang besar dalam memperbaiki dan meluruskan manusia agar selalu taat kepada Allah SWT. Ia akan mendorong manusia agar sentiasa istiqamah dalam meniti jalan Allah SWT.

Buku ini seakan membenarkan kepada musuh-musuh Islam sangat takut jika umat Islam dapat menggali dan memiliki sumber keimanan yang tinggi dari Al-Quran, malah Al-Quran telah berjaya membentuk dan meningkatkan keimanan kepada orang-orang yang soleh sehingga jiwanya hanya untuk Allah SWT sahaja.



Buku ini membincangkan Ekonomi Islam secara prinsip walaupun ada sesetengah bahagian perbincangannya bercorak analisis. Buku ini merupakan penambahbaikan kepada buku edisi pertama yang telah diulang cetak kerana sambutan begitu menggalakkan. Terdapat enam bahagian di dalam buku ini:

- Bahagian Pertama menyentuh tentang Islam dan Ekonomi Islam;
- Bahagian Kedua berkait dengan Kelakuan Ejen Ekonomi dan Pasaran;
- Bahagian Ketiga menyentuh tentang Agihan Pendapatan dan Kebajikan;
- Bahagian Keempat pula menyorot topik-topik berkenaan Wang, Ekonomi Kewangan dan Ekonomi Fizikal;
- Bahagian Kelima mengetengahkan perkara-perkara berhubung dengan Ekonomi Perancangan dan Pembangunan;
- Bahagian Keenam membincangkan Ekonomi Antarabangsa.

Buku ini menggunakan pendekatan yang mudah dan boleh difahami oleh pembaca umum.

"STATISTIK...SEGALANYA PASTI"

Tak kira walau apa
Cabaran dan aral melintang
Statistik meringankan
Segala beban yang menjelma
Gementar tiada

Bersama kita teguh hadapi
Bentala dipenuhi misteri
Namun statistik kan
melindungi
Statistik petunjuk realiti

Kesejahteraan negara
Perpaduan seluruh bangsa
Dengan irama data

Tidak hanya berbicara
Pagi hingga ke senja
Semangat yang terus membara
Data dan kehidupan berteraskan harapan
dan impian kemakmuran

Segalanya PASTI
Bergalaskan strategi
Menuju aspirasi
Harapan.. Keamanan
Impian... Kedamaian



VIDEO
" STATISTIK...
SEGALANYA PASTI"

<https://bit.ly/LaguStatistikSegalanyaPasti>

TERIMA KASIH



StatsMalaysia

www.DOSM.gov.my

